

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 01.07.2019 ( ISNIN )**

**SOALAN : 74**

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap bekas Peguam Negara, Mohamed Apandi, bekas Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Dzulkifli Ahmad, bekas-bekas Ketua Polis Negara dan bekas pegawai kerajaan kanan tinggi yang lain tentang peranan mereka dalam penutupan skandal kecurian wang 1MDB yang membabitkan bekas Perdana Menteri Najib Razak dan, berapa wang yang dicuri itu didapatkan semula oleh Kerajaan setakat ini.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, SPRM ada menerima maklumat berhubung mantan Peguam Negara dan mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang dikatakan telah menyalahgunakan kuasa untuk menutup kes berkaitan SRC International dan 1MDB.

**NO. SOALAN: 74**

2. Walau bagaimanapun, siasatan berhubung isu ini dijalankan oleh pihak PDRM sebagai pihak yang berkecuali.
3. Siasatan yang dibuat oleh PDRM masih lagi berjalan dan beberapa orang saksi daripada SPRM telah pun dipanggil untuk membantu siasatan.

Sekian, terima kasih.